

BAB 1: TUJUAN PERNIAGAAN DAN PEMILIKAN PERNIAGAAN

- 1 Apakah motif utama penubuhan sesebuah perniagaan?
 - A Menjaga kebajikan ahli
 - B Memperolehi keuntungan
 - C Menyediakan kemudahan awam
 - D Menjalankan tanggungjawab sosial
- 2 Apakah yang dimaksudkan dengan perniagaan?
 - A Aktiviti mengawal harga barang
 - B Aktiviti menghasilkan barang dan perkhidmatan
 - C Aktiviti yang melibatkan urusan jual beli barang dan perkhidmatan
 - D Aktiviti mengagihkan barang dan perkhidmatan kepada pengguna akhir
- 3 Pernyataan manakah yang **benar** mengenai Organisasi Bermotifkan Untung (OBU)?
 - A Modal daripada pemilik, pinjaman dan keuntungan perniagaan
 - B Modal daripada kerajaan, sumbangan dan yuran ahli
 - C Memberi kepuasan dan menjaga kebajikan ahli
 - D Menjalankan perniagaan secara percuma
- 4 Apakah contoh Organisasi Bermotifkan Untung (OBU) ?
 - A Kelab Belia dan Sukan
 - B Syarikat Fabrik Sdn. Bhd.
 - C Pertubuhan Peladang Pahang
 - D Persekutuan Pengakap Malaysia
- 5 Pernyataan manakah yang berkaitan dengan Organisasi Bukan Bermotifkan Untung (OBBU)?
 - A Mengeluarkan barang dan perkhidmatan
 - B Memaksimumkan keuntungan
 - C Mendaftar dengan SSM
 - D Menjaga kebajikan ahli
- 6 Maklumat berikut berkaitan dengan Pusat Tusyen Darul Hikmah.

Pusat Tusyen Darul Hikmah menyediakan bekalan alat tulis untuk murid-murid yang mengikuti kelasnya

Apakah kaedah perniagaan yang digunakan oleh pusat tusyen tersebut?

- A Dijual pada harga kos
- B Diberi secara percuma
- C Dijual di atas harga kos
- D Dijual di bawah harga kos

- 7 Antara berikut yang manakah organisasi bukan bermotifkan untung (OBBU)?
- A Pasaraya Mydin
 - B Maybank Berhad
 - C Rumah Pengasih Anjung Batu
 - D Restoran Mee Bandung Mak Pon